



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

## SIARAN MEDIA

---

### SESI LIBAT URUS MENGENAI DASAR LATIHAN INDUSTRI KEBANGSAAN

---

**CYBERJAYA, 6 JULAI 2023** - "Bilangan pelajar yang mengikuti latihan industri di Malaysia semakin meningkat setiap tahun. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan undang-undang khusus atau pangkalan data berpusat untuk melindungi kebajikan mereka. Ini boleh menyebabkan pelajar dieksploitasi dan tidak mendapat manfaat sepenuhnya daripada latihan industri.

Bagi menangani isu ini, Talent Corporation Malaysia telah menganjurkan sesi libat urus pertama untuk membangunkan Dasar Latihan Industri Nasional (NIP). Sesi ini telah menghimpunkan lebih 100 orang peserta daripada pelbagai kementerian, agensi Kerajaan, ahli akademik, pihak industri dan badan pemikir.

Para peserta telah memberikan pelbagai input dan bertukar-tukar pandangan tentang cara meningkatkan kualiti latihan industri di Malaysia. Mereka juga membincangkan cara memastikan pelajar dilindungi daripada dieksploitasi dan mempunyai akses kepada keadaan kerja yang sihat, selamat dan selesa.

NIP akan menyediakan rangka kerja bagi pelaksanaan latihan industri di Malaysia. Ia juga akan menetapkan garis panduan untuk majikan tentang cara-cara menyediakan

persekitaran kerja yang sihat, selamat dan selesa untuk pelatih, serta peluang dalam latihan industri yang berstruktur.

NIP dijangka menjadi situasi menang-menang untuk kedua-dua majikan dan pelajar. Ia akan membantu majikan mencari pekerja mahir, di samping menyediakan pelajar dengan latihan yang mereka perlukan untuk berjaya dalam pasaran kerja setelah mereka menamatkan pengajian kelak.

Majikan yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang perkara ini bolehlah melayari **[www.mynext.my](http://www.mynext.my)** atau menghubungi **TalentCorp** di **[hello@mynext.my](mailto:hello@mynext.my)** atau hubungi 03 – 7839 7111.

## **KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA**